

TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI**

**MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM ANGKASA BERSEMPENA
PERSIDANGAN KEBANGSAAN TAHUNAN ANGKASA (PKTA) KE-32**

**DEWAN TUN RAZAK I,
PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA
KUALA LUMPUR**

21 JULAI 2017 (JUMAAT) / 8.30 MALAM

Assalamualaikum w.b.t.

Salam Sejahtera,

Salam 1 Malaysia, dan Salam 1 Koperasi.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana telah mengizinkan kita duduk bersama-sama pada malam ini, dalam jamuan Hari Raya Aidilfitri Perdana ANGKASA 1438 Hijrah, yang diadakan khusus bagi meraikan para pemimpin koperasi dan pemain koperasi yang mahu dikenali sebagai koperator.

2. Terima kasih kepada kepimpinan ANGKASA yang diterajui oleh Presidennya Dato' Abdul Fattah Abdullah kerana sudi mengundang saya ke majlis ini.

3. Saya sangat menghargai pertemuan dengan Tuan-tuan dan Puan-puan pemimpin koperasi dari seluruh pelosok tanah air kerana ia memberi peluang kepada kita mengeratkan silaturrahim, dan mungkin juga berkongsi sedikit pengalaman, meskipun tempoh pertemuan ini agak singkat.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

4. Perkembangan koperasi di Malaysia begitu hebat. Kalau suatu ketika dahulu, bila disebut koperasi, gambaran di kepala kita ialah perniagaan kecil-kecilan yang diusahakan oleh beberapa orang sahaja.

5. Dan apabila beberapa orang ini berkempen mengajak kawan sekampung atau setaman menyertai koperasi mereka, bermacam-macam alasan yang berbau sinis diberikan.

6. Minta maaf cakap, tetapi inilah tabiat orang kita, sudahlah tak mahu sokong, diam-diam hendak tengok pula koperasi yang diusahakan itu gagal atau terlungkup. Dia jadi seronok bila orang lain gagal.

7. Alhamdulillah, keadaan kini sudah jauh berubah. Koperasi baru wujud umpama cendawan tumbuh selepas hujan. Lebih daripada itu, perniagaan koperasi kini juga telah merangkumi pelbagai bidang dan berimpak tinggi, antaranya Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Bhd dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad atau Bank Rakyat.

8. Dan agen utama yang membawa perubahan besar ini ialah ANGKASA. Syabas!! Statistik daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sehingga 31 Disember 2016, menunjukkan bahawa terdapat 13,428 koperasi di seluruh negara dengan jumlah keanggotaan seramai 7.06 juta ahli individu.

9. Jumlah syer/yuran pula adalah sebanyak 13.99 billion Ringgit manakala jumlah aset koperasi adalah 130.74 billion Ringgit. Jumlah perolehan pula sebanyak 39.66 billion Ringgit.

10. Sekali lagi syabas atas pencapaian in yang saya percaya memenuhi sasaran Deklarasi Putrajaya yang antaranya termasuklah mentransformasikan koperasi melalui projek-projek ekonomi berimpak tinggi.

11. Namun, Tuan-tuan dan Puan-puan, semakin besar kejayaan kita semakin tinggilah expectation Kerajaan terhadap ANGKASA organisasi APEX gerakan koperasi negara.

12. Semasa saya merasmikan Konvensyen Perumahan Penjawat Awam pada Mac 2016 di Menara MITI, saya dapat melihat potensi perniagaan yang begitu besar bagi sektor koperasi. Ini ditambah pula dengan Pelan Strategik ANGKASA 2017 – 2050, peluang untuk terus maju amat luas.

13. Tidak keterlaluan juga kalau saya katakan kita boleh mengembangkan sayap kita ke luar negara. Rantau ASEAN punyai bilangan penduduk melebihi 630 juta orang yang juga pengguna.

14. Presiden ANGKASA Datuk Abdul Fattah juga adalah Presiden ASEAN Cooperative Organisation atau ACO. Ini satu peluang yang tidak harus kita persiakan begitu sahaja.

15. Bukan kita suruh dia salah guna kedudukan tetapi mungkin dia boleh membantu membuka jalan untuk koperasi kita operate beyond our shores.

16. Kita perlu bergerak segera sebelum orang lain snatch the opportunity dan sektor koperasi kita menjadi tepu.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

17. Itulah harapan Kerajaan terhadap ANGKASA, dan Kerajaan sentiasa komited untuk menjayakan agenda ini. Saya juga berharap semua koperasi dan para pendukungnya terus bersama Kerajaan dalam memacu perkembangan ekonomi negara supaya kelestarian pembangunan ekonomi dapat terus dipertingkatkan.

18. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Dato' Abdul Fattah dan saf kepimpinan ANGKASA yang sentiasa ingat untuk mengundang saya dalam majlis-majlis yang dianjurkan oleh ANGKASA. Selamat menjamu selera. Terima kasih.